

**Kemelut Kerajaan Pas Kedah Rencatkan Pentadbiran Negeri - Jamil Khir
Bernama
28 Februari , 2012**

YAN, 28 Feb (Bernama) -- Kemelut yang berlaku dalam pentadbiran kerajaan PAS Kedah ketika ini telah merencatkan pentadbiran kerajaan negeri yang telah mencapai usia empat tahun.

Ketua Penerangan Umno Kedah Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata walaupun baru empat tahun PAS memerintah negeri ini, pelbagai masalah dalaman berlaku dan gagal diselesaikan dengan baik sehingga menimbulkan keretakan di kalangan kepimpinan negeri.

"Rakyat dapat menilai PAS tidak mampu untuk mentadbir kerajaan negeri tetapi hanya mampu bersemangat dengan ceramah di atas pentas sahaja," katanya pada sidang media pada Program Sepakat Komuniti 1Malaysia dekat sini Selasa.

Isu berhubung masalah pentadbiran kerajaan negeri Kedah bermula apabila dua exco kerajaan negeri, Datuk Phahrolrazi Mohd Zawawi dan Datuk Dr Ismail Salleh menghantar surat kepada Menteri Besar Datuk Azizan Abdul Razak bagi menyatakan keengganan mereka dilantik semula ke jawatan itu.

Mereka dipercayai berbuat demikian kerana kecewa dengan sikap serta kepemimpinan Azizan yang juga Pesuruhjaya PAS negeri, berhubung pelbagai isu yang melanda pentadbirannya sejak kebelakangan ini.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=648563>